

Muhyiddin Minta Pelajar Kuasai Komunikasi Dalam Bahasa Inggeris
Bernama
Oct 20, 2014

KUANTAN, 20 Okt (Bernama) -- Timbalan Perdana Menteri Tan Sri Muhyiddin Yassin menasihatkan para pelajar untuk mengambil inisiatif menguasai bahasa Inggeris bagi meningkatkan keyakinan mereka untuk berkomunikasi dengan masyarakat antarabangsa.

"Tiada gambaran yang lebih hebat mengenai kemajuan negara daripada penglibatan pelajar kita di peringkat antarabangsa. Ini adalah kebenaran yang nyata," kata Muhyiddin yang juga menteri pendidikan.

Pelajar yang menguasai bahasa Inggeris akan memacu negara ke peringkat lebih tinggi dengan kemampuan mereka untuk menengahkan idea dan penyelesaian yang hebat, katanya semasa berucap pada penutup Karnival Perpaduan Bahasa Inggeris peringkat kebangsaan di sini.

Teks ucapannya disampaikan Timbalan Menteri Pendidikan P.Kamalanathan.

Muhyiddin berkata pelajar perlu menyertai kegiatan kokurikulum seperti karnival ini yang akan membantu mereka meningkatkan kesedaran dan memperkukuhkan bahasa Inggeris mereka.

Muhyiddin berkata di samping itu karnival ini merupakan platform terbaik untuk mempamerkan pelbagai kegiatan dan program berasaskan bahasa Inggeris yang dianjurkan Kementerian Pendidikan.

"Inisiatif yang diambil bagi karnival ini adalah sesuatu yang wajar dipuji dan dihargai.

"Ia (karnival itu) bertujuan menyemai minat untuk menguasai Bahasa Inggeris di kalangan pelajar dan juga menggalakkan aktiviti selaras dengan pelaksanaan dasar Memartabat Bahasa Melayu Memperkukuh Bahasa Inggeris (MBMMBI)," katanya.

Muhyiddin berkata karnival itu perlu dilihat sebagai satu langkah ke depan dalam usaha kerajaan yang berterusan untuk membangunkan modal insan kelas pertama.

"Bagi memudahkan dan merealisasikan impian ini, para guru perlu memainkan peranan yang penting bagi mewujudkan generasi berpotensi besar dan mempunyai pelbagai kemahiran.

"Pada masa ini terdapat permintaan supaya guru-guru menghasilkan idea-idea kreatif dan inovatif dan strategi baharu yang boleh meningkatkan kedinamikan proses pengajaran dan pembelajaran," katanya.

Selaras dengan itu, pada tahun ini kementerian menghantar kira-kira 20,000 guru bahasa Inggeris menjalani pelbagai kursus yang memberi tumpuan bagi menambah baik dan meningkatkan kemahiran bahasa itu supaya dapat melengkapkan diri mereka dengan kemahiran yang diperlukan, katanya.

Sementara itu, kontinjen Sabah muncul johan karnival dan memenangi trofi Tan Sri Muhyiddin Yassin.

-- BERNAMA

Copyright © 2014 BERNAMA

Source :<http://www.bernama.com/bernama/v7/bm/newsindex.php?id=1078228>